



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT  
DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**DEBAT PERPADUAN  
PIALA MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024**

**16 MAY 2024 (KHAMIS)**

**HOTEL CONCORDE SHAH ALAM**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

## **SALUTASI**

*\*Disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur kita dapat berhimpun hari ini sempena **Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara Tahun 2024**.
2. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh rakan-rakan strategik dalam menjayakan Debat Perpaduan pada tahun ini iaitu:
  - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
  - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
  - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
  - Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM)
  - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
  - Semua Institut Pendidikan Tinggi terlibat
  - Semua Sekretariat Rukun Negara
  - Rakan Strategik Perpaduan
  - Rakan Media Perpaduan

3. Pada tahun ini, **Sekretariat Rukun Negara Universiti Kebangsaan Malaysia (SRN UKM)** telah dipilih sebagai **tuan rumah** setelah pasukan ini berjaya menjadi Johan Debat Perpaduan yang lepas.

### **DEBAT PERPADUAN PLATFORM INTEGRASI NASIONAL**

Hadirin yang saya hormati,

4. **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** merupakan dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Konsep **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** digunakan untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Dasar ini menetapkan hala tuju perpaduan negara dan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang harmoni.
5. Pelaksanaan Debat Perpaduan juga selari dengan komitmen dan objektif Dasar Perpaduan Negara dalam memupuk dan mengukuh perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini. Saya dimaklumkan bahawa seramai **200 pembahas** melibatkan **50 pasukan** telah sertai pertandingan debat ini. Tahniah kepada semua pasukan atas kesungguhan dan semangat yang telah ditunjukkan.

6. Tema debat pada tahun ini iaitu “**Menjiwai Rukun Negara**” dipilih untuk menterjemahkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan anak muda yang bertunjangkan **konsep Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian**. Matlamat utama pelaksanaan program ini adalah:

- **Membentuk pemikiran mahasiswa secara holistik** dari aspek pemahaman dan penerimaan terhadap kepelbagaian agama, budaya dan adat resam;
- **Membudayakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan** melalui wahana perdebatan;
- **Pengukuhan semangat perpaduan** dalam kalangan mahasiswa melalui perdebatan yang berteraskan Rukun Negara; dan
- **Pengukuhan konsep Faham, Hormat dan Terima** dalam kalangan masyarakat terhadap kepelbagaian etnik, agama dan kekayaan budaya dalam negara.

7. Jadi dengan pelaksanaan program ini, ia diharap dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk **meningkatkan keutuhan dalam aspek kenegaraan dan perpaduan berteraskan penghayatan kepada prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan**.

## MENJIWAI RUKUN NEGARA

Hadirin yang saya hormati,

8. Umum mengetahui **Peristiwa 13 Mei 1969** telah mencatatkan sejarah pahit buat negara. Peristiwa rusuhan kecil tersebut juga telah mengorbankan 196 nyawa rakyat Malaysia.
9. Sehubungan dengan itu, **Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai oleh Tun Abdul Razak** telah dibentuk susulan sistem kerajaan Berparlimen telah digantung oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pengisytiharan darurat. Perisytiharan Darurat telah diwartakan dan berkuat kuasa pada 16 Mei 1969 di bawah Ordinan No. 2 (kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969. **MAGERAN** ketika itu telah menubuhkan tiga badan iaitu **Majlis Muhibah Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara (MPN)**.
10. Melalui Majlis Perundingan Negara yang dianggotai oleh 13 tokoh negara daripada pelbagai latar belakang kaum dan kepakaran telah menghasilkan Rukun Negara sebagai falsafah negara baharu. **Rukun Negara telah dirangka berdasarkan tujuh tunjang utama yang telah dikemukakan melalui kertas 'Pillars of Nation'**. Antara tujuh (7) tunjang utama yang dicadangkan ketika itu adalah:

- Ketuhanan (*Belief in God*)
- Kesetiaan (*Loyalty*)
- Keadilan (*Justice*)
- Kewarganegaraan (*Citizenship*)
- Keutuhan (*Integrity of the Nation*)
- Kebahagiaan (*Well-being*)
- Kesopanan (*Canons of Decency*)

11. Akhirnya, Rukun Negara telah dirangka dan disusun kepada **dua bahagian iaitu 5 cita-cita dan 5 prinsip**. Cita-cita dan prinsip Rukun Negara kemudiannya telah diterjemah kepada suatu bentuk falsafah atau ideologi nasional. Falsafah atau ideologi nasional ini terus kekal sebagai **panduan dan tonggak negara (Pillars of Nation) yang akan diterapkan dalam semua bidang dan kegiatan.**

12. Pada tahun lepas, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan supaya **sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima perinsip Rukun Negara** dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah dan IPT.

13. Bagi menyemarakkan lagi penghayatan dan pemahaman Rukun Negara, Kementerian telah melancarkan inisiatif **Explorasi Rukun Negara** yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan

masyarakat. Aspirasi inisiatif ini adalah untuk **meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai wadah penyatupaduan rakyat Malaysia**. Pelancaran ini telah dibuat secara 3 peringkat iaitu:

- **Masyarakat Awam- Pusat Beli Belah MyTown**
- **Sekolah – Kompleks Seri Bintang**
- **IPT – Universiti Putra Malaysia**

14. Selain itu, tahun ini juga mencatatkan sejarah apabila **Dewan Rakyat dan Dewan Negara** turut melafazkan Ikrar Rukun Negara secara penuh buat pertama kalinya di dewan yang mulia. **Sebagai pemimpin tidak mengira politik, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memberi teladan baik dalam mengamalkan nilai perpaduan dan keharmonian.** Dengan berdiri bersama dalam bacaan lafaz ikrar, kita menunjukkan kepada rakyat bahawa perpaduan adalah landasan utama untuk kejayaan negara
15. Usaha-usaha mempromosi dan menerapkan penghayatan Rukun Negara turut giat dikembangkan di peringkat IPT platform **SRN**. Sehingga kini, terdapat sebanyak **188** buah SRN yang berdaftar di kampus-kampus IPT di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak **30** buah SRN berdaftar di IPTA, manakala

**35** buah SRN di IPTS, **28** di Politeknik, **17** di Kolej-kolej matrikulasi, **51** di kolej komuniti dan **27** di kampus-kampus IPG.

16. Saya mengambil kesempatan ini menyeru agar **semua IPTS dalam negara untuk turut bersama dalam menubuhkan Sekretariat Rukun Negara** sebagai platform integrasi nasional di peringkat IPT masing-masing.
17. Kementerian melalui JPNIN telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program penghayatan Rukun Negara di peringkat IPT seperti **Debat Perpaduan, Chit Chat Belia, Jalinan Integrasi Nasional, Raja Kita Payung Kita** dan sebagainya.
18. Dalam usaha untuk menyemarakkan pelaksanaan aktiviti SRN, mulai tahun ini Kementerian telah memberikan **peruntukan sebanyak RM 3000 kepada semua SRN untuk melaksanakan Eksplorasi Rukun Negara di peringkat IPT**. Semoga agenda pengukuhan perpaduan negara dalam kalangan mahasiswa dapat dijayakan melalui inisiatif ini.
19. Kementerian sentiasa menekankan dan memberikan fokus kepada agenda pengukuhan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya generasi muda. Antara inisiatif baharu yang akan diusahakan oleh Kementerian dan JPNIN adalah:



- **Pelan Tindakan Pendidikan dan Penghayatan Rukun Negara** - menyentuh seluruh kelompok Pendidikan Rukun Negara iaitu bermula dengan pendidikan awal di peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya di peringkat universiti
- **Syor Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan** - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan meneliti cadangan menjadikan Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan
- **Lafaz Ikrar Rukun Negara**- Kementerian akan berbincang dan kerjasama dengan semua Kerajaan Negeri agar Ikrar Rukun Negara turut dilafazkan secara penuh ketika pembukaan penggal di Dewan Undangan Negeri.
- **Simposium Pendidikan Rukun Negara** - bagi mendedahkan dan memperkenalkan modul pendidikan Rukun Negara di peringkat pendidikan awal kanak-kanak khususnya di prasekolah KPM, Tadika KEMAS dan Tadika Swasta.
- **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara** – akan dilaksanakan pada Ogos 2024 ini dengan penglibatan 188 SRN seluruh negara

- **Modul Penghayatan Rukun Negara-** dibangunkan dan diaplikasikan di 6 buah zon negeri bagi membentuk kemenjadian Belia Menjiwai Rukun Negara.
- **Jelajah Belia Rukun Negara** - dijadualkan pelaksanaan bermula bulan Julai hingga Disember 2024 di seluruh negara melibatkan 1,200 peserta. Majlis *softlaunch* dijadualkan pada Julai 2024 di Zon Tengah. Aktiviti seperti **Bicara Rukun Negara : Menjiwai Rukun Negara, Pemekaan Rukun Negara serta Interaktif dan Inovasi Penghayatan Rukun Negara.**
- **PLKN 3.0** – Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan bagi menyediakan modul kenegaraan dan jati diri bagi PLKN 3.0.
- **Festival Pantun Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara** – bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan menyambut 55 tahun Rukun Negara pada tahun depan akan dilaksanakan Festival Pantun Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara.

Hadirin yang saya muliakan,

## **PENUTUP**

20. Semoga keberhasilan program ini adalah dengan menemukan idea, gagasan dan penambahbaikan yang baru untuk membangun dan mensejahterakan negara. Selain itu, hasil dan intipati perkara yang diutarakan oleh mahasiswa, yang bernas dan bermanfaat kepada rakyat dan negara boleh dibawa untuk penambahbaikan sewajarnya.
21. Kepada pasukan yang berjaya, tahniah dan syabas atas kejayaan ini. Kepada lain-lain pasukan, tahniah juga atas semangat jitu yang telah ditunjukkan sepanjang pertandingan debat ini.
22. Akhir kata, marilah kita sama-sama membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara bagi tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.